

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 29 DISEMBER 2016 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Bangunkan usahawan tani di Tuaran	Utusan Malaysia
2.	Transformasi bina bakat berinovatif	Berita Harian
3.	'Rain caused Camerons landslide'	New Straits Times

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 22
TARIKH : 29 DISEMBER 2016 (KHAMIS)

Bangunkan usahawan tani di Tuaran

SATU program pembangunan bersifat komprehensif bakal diwujudkan di Tuaran, Sabah pada tahun depan bagi membangunkan petani berpotensi dan berminat menjadi usahawan tani berjaya.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, **Datuk Madius Tangau** berkata, program bersifat holistik itu merupakan satu program percubaan melibatkan pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri serta agensi-agensi lain yang berkaitan.

"Program ini diperlukan kerana kadang-kadang ada usahawan kita memiliki teknologi tetapi tidak dapat menjalankan perniagaan disebabkan masalah pembiayaan.

"Contohnya fertigasi halia, kita memerlukan RM15,000 untuk teknologi fertigasi sahaja, untuk melaksanakannya, memerlukan pembiayaan lain.

"Selepas dapat hasil, perlukan pasaran pula dan pembeli. Sebab itu, kita perlu apa yang Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sentiasa sebut iaitu Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

"Kita tidak mahu berfikir secara silo atau syok sendiri. Kita mahu semua agensi bekerjasama, sama ada agensi negeri atau Persekutuan. Dengan cara ini, baharulah kita dapat membantu usahawan dan rakyat secara menyeluruh," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Tuaran berkata



MADIUS TANGAU

demikian selepas merasmikan Bengkel Teknologi Kultur Tisu Tumbuhan untuk Usahawan Muda dan Bengkel Pembangunan Usahawan Desa Dalam Penanaman Cendawan anjuran Institut Agrobioteknologi Malaysia - Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (ABI-NIBM) bersama Koperasi Bela Rakyat (Kobera), Lembaga Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) dan Koperasi Pembangunan Desa (KPD) di Tuaran baru-baru ini.

Menurut Madius menerusi program seumpama itu, usahawan akan mendapat latihan dan pemantauan berterusan daripada agensi terlibat bagi memastikan mereka menjalankan perniagaan serta menggunakan teknologi yang betul.

Madius berharap usahawan tani yang dibimbing menerusi program berkenaan bukan sahaja akan berfikir bahawa pertanian itu satu perniagaan malah dapat melipatgandakan pendapatan dan pengeluaran mereka melalui penggunaan teknologi.

"Ekosistem usahawan tani di Sabah sudah dibuat. KPD sudah menjadi satu agensi yang sekian lama memainkan peranan sebagai pembeli dan sebagainya. Jadi penggunaan teknologi dalam perusahaan pertanian amatlah penting," katanya lagi.

Sementara itu, Madius juga berkata sebuah fasiliti nurseri yang lengkap dengan sistem fertigasi akan dibina di Tuaran tahun depan bagi menempatkan tumbuhan yang dihasilkan dari teknik kultur tisue, manakala fasiliti penanaman cendawan tiram yang dinamakan Rumah

Cendawan Pintar akan dibina di Kimanis, Papar.

HALIA antara tanaman yang boleh dimanfaatkan untuk melahirkan usahawan.



KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (DARI KACA MATA) : MUKA SURAT 10
TARIKH : 29 DISEMBER 2016 (KHAMIS)



Malaysia tidak mungkin berkembang menjadi negara maju jika kekurangan bakat dan kemahiran dalam bidang Sains dan Teknologi”



Pada masa ini, kurang daripada 20 peratus pelajar mengambil mata pelajaran STEM berbanding sasaran 60 peratus”



Pendidikan bukan sekadar menyampaikan kepelbagaian ilmu, tetapi digunakan untuk membina perwatakan, sikap, pegangan dan kemahiran anak muda”

Transformasi bina bakat berinovatif

Mesyuarat Majlis Profesor Negara (MPN) berlangsung di Langkawi kebelakangan ini mengupas beberapa isu besar negara. Antara isu dibincangkan ialah cabaran ekonomi, kesejahteraan sosial dan keberkesanan sistem pendidikan negara. Dalam isu ekonomi umpamanya, perimbangan antara pertumbuhan dan agihan perlu diberi perhatian penting kerana tidak semua bentuk pertumbuhan menghasilkan agihan saksama.

Trend semasa menunjukkan walaupun pertumbuhan ekonomi negara terus berkembang, tetapi agihan dan lompang (gap) antara golongan miskin dan golongan kaya semakin meluas. Akhirnya, ia bakal mencetus ketidakadilan atau resahan kaum.

MPN turut mengupas isu agenda dan dasar keselamatan negara. Kami dimaklumi, dasar keselamatan negara masih bersifat sektoral dan dilaksanakan berdasarkan peranan agensi khusus seperti Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri dan sektor asas lain.

Dalam konteks ini, MPN diberikan kepercayaan menggubal Dasar Keselamatan Negara bersifat holistik dan terintegrasi. Isu kese-

lamatan makanan, keselamatan awam dan ancaman dari anasir luar perlu ditangani secara bersepadu. Ada isu governance yang masih perlu dihalusi bagi memastikan pelaksanaannya kelak berkesan.

Pelaksanaan pendidikan negara bercelaru

Isu paling menarik dibincangkan dalam pertemuan kali ini ialah sistem pendidikan negara. Walaupun, perjuangan memperkasa pendidikan negara urusan paling asas, ternyata ramai warga yang berpendapat pelaksanaan pendidikan negara masih bercelaru dan tidak mencapai sasaran.

Dua komponen penting ialah Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Keberkesanan pelaksanaan TVET masih sangat rumit kerana pelbagai isu belum diselesaikan. Seperkara yang paling kritikal menghantui pendidikan TVET ialah masyarakat masih melihatnya sebagai pendidikan kelas kedua.

Isu pendidikan STEM telah di- kupas dan dibincang dengan meluas oleh pelbagai pihak, terutamanya Kementerian Pendidikan Tinggi, Akademi Sains Malaysia (ASM) dan MPN. Pada masa ini, kurang daripada 20 peratus pe-

lajar mengambil mata pelajaran STEM berbanding sasaran 60 peratus.

Sejak beberapa tahun terakhir ini, kebanyakan program pengajian berasaskan STEM di Universiti Awam tidak diminati atau kekurangan pelajar. Jelasnya, negara Malaysia tidak mungkin berkembang menjadi negara maju jika kekurangan bakat dan kemahiran dalam bidang Sains dan Teknologi.

Beberapa perkara asas telah dikenal pasti kenapa minat pelajar kepada pendidikan STEM merudum, antaranya:

- Ibu bapa kurang berminat dan tidak menggalakkan anak mereka belajar dalam pendidikan STEM, kecuali jurusan perubatan dan kejuruteraan. Faktor utama ini berlaku kerana hanya graduan daripada perubatan dan kejuruteraan menjanjikan peluang pekerjaan tinggi dan pendapatan lumayan;
- Pelajar juga kurang meminati pendidikan STEM kerana menganggap mata pelajaran susah, pembelajarannya kurang menarik dan membosankan. Tambahan pula, mereka merasakan graduan berkelulusan bukan STEM mampu dapat pekerjaan dan prospek kerjaya yang baik;
- Pekerjaan bidang Sains dan Teknologi di Malaysia kurang berkembang, industri tempatan tumbuh berasaskan teknologi luaran, lantaran golongan saintis kurang diperlukan untuk pembangunan teknologi. Ternyata ikon saintis tidak berjaya diserlah, sebaliknya ikon kalangan artis, jutawan dan ahli politik lebih menonjol dan ditonjolkan.

Dunia sudah berubah, bidang sains tulen bukan penyelesaian utama masalah masyarakat. Muncul pendekatan baharu bersifat pelbagai bidang seperti Sains Kelestarian, Kespadaan Nasional, Pengurusan Sumber Asli, Keselamatan Makanan Perubahan Iklim dan Pengurangan Risiko Bencana, semuanya menuntut penyelesaian secara holistik berasaskan ilmu terintegrasi.

Bidang Sains Tulen, Sains Sosial dan Kemanusiaan, Ekonomi, Pengurusan, Perancangan dan Perundangan perlu digembleng untuk menyelesaikan cabaran sama-

sa dan masa hadapan. Cabaran ini menuntut beberapa kelompok ilmuwan yang berupaya membina kepakaran dan kemahiran untuk keperluan berbeza, sebagai contoh Sains dan Teknologi (tradisional), Sains Terintegrasi dan kemahiran menyelesaikan masalah secara bersistem.

Perkasa minda sains

Semua ini perlukan asas pendidikan untuk memperkasa minda sains dan berpendekatan bersistem (holistik). Semua ilmu tradisional, sama ada sains tulen atau sains sosial memerlukan pengetahuan dan kemahiran berfikir secara saintifik.

Masanya sudah tiba, Kementerian Pendidikan membuat transformasi berani. Di Sekolah Rendah dan Menengah umpamanya, pendidikan bukan sekadar menyampaikan kepelbagaian ilmu, tetapi ilmu yang pelbagai digunakan untuk membina perwatakan, sikap, pegangan dan kemahiran anak muda yang bakal meneruskan tradisi kejayaan bangsa dan negara.

Apa yang perlu ditumpukan ialah membina generasi masa depan berfikir saintifik, berpendidikan luas dan terbuka, pandai menterjemah peluang kepada kenyataan, serta berbangga dan cinta kepada tanah tumpah darahnya. Fokus perlu diberikan kepada pembinaan insan berfikir saintifik. Keupayaan berfikir secara logik, secara mendatar atau selari.

Kemampuan untuk mengupas fenomena, membuat analisis dan sintesis berasaskan fakta dan maklumat pelbagai. Keupayaan untuk membuat keputusan secara rasional dan holistik bagi kepentingan komuniti dan masyarakat sejagat. Kemahiran ini tidak sahaja boleh dibina melalui bidang STEM, tetapi menggunakan semua bidang ilmu lain yang mengamalkan pendekatan berfikir saintifik.

➔ Orang ramai terkejut apabila peguam didapati menipu Orang Asli dan diperintahkan untuk memulangkan wang berjumlah RM37 juta. Pengamal undang-undang, **Datuk Salleh Buang**, mengulas lanjut isu ini, esok.



Cameron Highlands police chief Deputy Superintendent **Hasadid A. Hamid** (second from left) at the scene of the landslide near the **Sharples Bungalow** in Cameron Highlands yesterday. Pic by Muhaizan Yahya

'Rain caused Camerons landslide'

CAMERON HIGHLANDS: Illegal construction or land clearing was not the cause of the landslide near Tenaga Nasional Bhd's (TNB) Sharples Bungalow here.

Cameron Highlands police chief Deputy Superintendent Hasadid A. Hamid said the landslide was triggered by heavy rain on Sunday.

"We have conducted checks at the hill near the bungalow and no illegal activities were found. The landslide happened due to rainwater overflowing."

He said the **Meteorological Department** recorded 100.9mm of rainfall on that day.

"The number recorded was above the normal rate of 20mm per day. The total amount of rainfall on that day was similar to that of the day of the worst landslide here in November 2014," he said at the scene yesterday.

In November 2014, the nearby town of Ringlet was hit by landslides and a mud flood when water from Sultan Abu Bakar Dam overflowed after a downpour.

In the incident, five people died and five were injured, while 203 residents in Kampung Baru and Bertam Valley were evacuated to the

Ringlet community hall.

Hasadid said following the downpour, three other locations nearby were also hit by landslides: Km.55 of Bharat Tea, Km.59 of Oly Apartment and a house in Jalan Perdah, Tanah Rata here, between 2.45pm and 3.22pm.

"However, no injuries were reported and the roads were re-opened on the same day.

"Besides landslides, a flash flood also occurred at the government housing area in Jalan Masjid at 3.30pm.

"However, the waters had completely subsided two hours later. The flash flood happened due to Sungai Lembah Bertam overflowing its banks," he said.

Hasadid added during the incident, the water level at Sultan Abu Bakar Dam in Lembah Bertam here was reported to be at the normal level as of 5.35pm.

"If the water level reaches 1,069.8m, the residents of Lembah Bertam would be immediately evacuated.

"If the water level reaches 1,070.7m, the dam door will fully open, releasing the water," he said.

He added police and other agen-

cies, including the Public Works Department, Irrigation and Drainage Department and District Disaster Department, were working round the clock to ensure the November 2014 incident did not recur.

"We are investigating this incident from all angles, including checking slopes for illegal land clearing and construction. The investigation is led by district Disaster Department chairman Ishak Md Napis, who is also the district officer.

"From a meeting that we had earlier, we have identified several landslide-prone areas here. We are monitoring these areas," he said.

He said an official report on Sunday's incident would be released in three months.

"Cameron Highlands is safe to visit. I urge the public to stop spreading information that is not true on social media."

Thirteen people were evacuated and four cars parked near the bungalow were damaged when the landslide hit the area following heavy rain.

No one was injured in the 3pm incident. The occupants of the building were immediately instructed to leave the building.